

Lelaki Nigeria bawa syabu RM250,000

24/05/2012 2:37pm

MELAKA - Penahanan seorang lelaki Nigeria yang berkelakuan seperti orang kurang siuman semalam membawa kepada penemuan 27 kapsul mengandungi 567 gram dadah jenis syabu bernilai RM250,000, yang dipercayai ditelannya.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Salehhudin Abd. Rahman berkata, lelaki berusia 33 tahun itu ditahan selepas polis menerima aduan orang ramai berhubung suspek berkelakuan tidak siuman di sekitar kawasan Batik House, MITC di sini pada pukul 12.05 pagi.

Lelaki yang dipercayai pelajar kolej swasta di Kuala Lumpur itu dibawa ke Hospital Melaka untuk rawatan lanjut, katanya di sini hari ini.

"Lebih kurang pukul 3 pagi, lelaki tersebut telah membuang air besar bersama 11 biji kapsul yang disyaki dadah," katanya.

Beliau berkata, doktor kemudian menjalankan x-ray ke atas lelaki tersebut yang memaparkan 16 biji kapsul masih berada di dalam tubuh lelaki terbabit.

Salehhudin berkata, kesemua kapsul tersebut berjaya dikeluarkan pada pukul 4 petang semalam dan siasatan berhubung kes itu sedang dijalankan. - BERNAMA